

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 30 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 18

## DBKL sedia unit PPR untuk anggota polis

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan 27 unit kediaman di 15 Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi anggota Polis Diraja Malaysia dalam usaha membanteras kegiatan jenayah di kawasan itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, tindakan DBKL itu dapat meningkatkan keselamatan, kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat setempat.

"Pada fasa pertama, sebanyak 27 unit kediaman diserahkan antaranya PPR Seri Selangor, Seri Alam, Seri Sabah, Bukit Jalil, Desa Tun Razak, Seri Pantai, Pantai Ria, Gombak Setia, Seri Semarak, Desa Rejang, Air Panas, Wahyu, Beringin, Intan Baiduri dan Kampung Batu Muda," katanya pada sidang media selepas menghadiri program Inisiatif Wilayah Peduli Program Komuniti Sejahtera di PPR Desa Rejang di sini semalam.

Mazlan berkata, sebarang maklumat dapat disalurkan kepada pegawai atau anggota polis yang mendiami kawasan perumahan itu.

Katanya, statistik jenayah indeks di kawasan PPR dan Projek Perumahan Awam (PPA) Kuala Lumpur bagi 1 Januari hingga 26 September, sebanyak 494 kes di PPR dan 42 kes di PPA.

"Statistik kes atau tangkapan kes narkotik di PPR Kuala Lumpur dari tempoh Januari hingga Ogos 2019 pula mencatatkan sebanyak 844 kes dan 1,001 tangkapan," katanya.